

KUALA LUMPUR BERDAYA SAING

DIANA AMIR

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menganjak ke arah pengurusan bandar yang lebih berdaya saing dan inovatif dalam memastikan pembangunan bandar raya Kuala Lumpur menjadi lebih lestari dan selaras dengan keperluan masa kini.

Justeru itu, DBKL telah menyediakan 10 Garis Panduan Perancangan Kuala Lumpur 2024 yang dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**.

Zaliha berkata 10 garis panduan tersebut merangkumi Perancangan Residensi MADANI, Kemudahan Ruang Penjaja MADANI dan Pelaksanaan Perancangan dan Pembangunan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik.

"Selain itu, Panduan Semakan Bangunan Rendah Karbon Kuala Lumpur, Perancangan Pengemukaan Permohonan dan Pematuhan Kehendak Pemasangan Struktur Papan Iklan Luar, Permohonan Pelan Digital Maklumat Perancangan, Perancangan Bagi Keperluan Tempat Letak Kenderaan, Perancangan Kawalan, Ketinggian Kediaman Bertanah, Panduan Kediaman Berbentuk Dual Key dan Perancangan Strategi Komunikasi," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Panduan Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



ZALIHA (tengah) pada Majlis Pelancaran Panduan Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024 di Menara DBKL 1.

2024 di Menara DBKL 1, pada Selasa.

Tambah beliau, kesemua 10 Garis Panduan itu adalah untuk memastikan amalan tatakelola yang baik diamalkan di DBKL.

"Dengan adanya panduan yang jelas dan telus seperti ini, setiap langkah perancangan dan pelaksanaan pembangunan akan dapat dipantau dengan lebih efektif, selain dinilai tahap keberkesanan sesuatu polisi dan strategi yang dilaksanakan serta mempromosikan penambahbaikan yang berterusan.

"Tatakelola yang baik bermaksud

kita mengamalkan prinsip-prinsip keterbukaan, akauntabiliti dan integriti dalam setiap keputusan yang dibuat. Perkara ini penting dalam memastikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap DBKL terus terpelihara.

"Sehubungan itu, saya dimaklumkan bahawa kesemua garis panduan ini akan dipaparkan secara *public* di laman web DBKL untuk rujukan semua pihak.

"Saya turut difahamkan, setiap garis panduan tersebut adalah hasil daripada kajian terperinci

dan konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan. Dengan pendekatan yang inklusif seperti ini, saya berharap agar garis panduan ini akan memberi impak positif kepada setiap warga kota," ujarnya.

Dalam pada itu, Zaliha berkata Kuala Lumpur kini menampung populasi yang dianggarkan melebihi 8.8 juta orang dengan peningkatan sebanyak 2.25 peratus (%) berbanding tahun lalu dan menjelang tahun 2030, populasi ini dijangka akan terus bertambah mencecah 9.8 juta.

"Pertumbuhan populasi ini bukan sahaja melibatkan peningkatan semula jadi dalam kawasan bandar, malah juga migrasi masuk yang tinggi dari luar bandar.

"Ini memberikan satu tekanan kepada infrastruktur sedia ada dan menuntut supaya kita menyediakan satu perkhidmatan asas yang lebih baik buat semua warga kota agar Kuala Lumpur ini menjadi sebuah bandar yang berdaya huni.

"Tidak dilupakan juga, isu-isu seperti pencemaran udara dan kekurangan ruang hijau turut menjadi antara kebimbangan utama yang perlu diatasi," ujarnya.

Zaliha berkata dalam menghadapi semua cabaran ini DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu terus peka dengan keperluan dan kehendak semasa

pembangunan di Kuala Lumpur.

"Dalam usaha ini saya difahamkan DBKL telahpun melaksanakan pelbagai inisiatif yang lebih proaktif seperti penyediaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050.

"DBKL juga telah menghasilkan satu Panduan Teknik Bangunan Rendah Karbon Kuala Lumpur hasil kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa iaitu C40 Cities Climate Leadership Group.

"Ini juga secara tidak langsung menunjukkan usaha kita untuk mencapai pembangunan yang lebih lestari," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengharapakan dengan adanya Garis Panduan ini DBKL dapat dipandu dengan lebih telus dan teliti serta dapat memastikan kehidupan yang lebih baik untuk generasi kini dan akan datang.

"Saya menyeru semua pihak termasuk pihak agensi kerajaan, pemaju, pemegang-pemegang taruh dan orang awam untuk memberikan kerjasama erat dan komitmen yang baik dalam memastikan Garis Panduan ini dimanfaatkan sepenuhnya. Insya-Allah, bersama-sama kita boleh memastikan Kuala Lumpur terus berkembang sebagai sebuah bandar mampan dan berdaya huni," katanya. 🇲🇾